

ATUK OH ATUK TABIAT 'TAK-PA', BUMI BINASA

Menyelusuri maksud tersurat dan tersirat.

Hey, Kawan-kawan, mari dengar cerita.

Ikan oh ikan, kenapa engkau lembik?
Macam mana aku tak lembik,
air sungai kotor, aku tak boleh nyawa!

► **Pencemaran sungai menyebabkan kematian hidupan akuatik.**

Banyak sisa toksik la..
Itu tosik.. Ikan mana boleh nyawa..?
Orang pun boleh mati tau..!
Aiyo... semua kasi buang, plastik buang!
Botol buang! Tin buang! Aiyo yo..

► **Hal ini disebabkan pembuangan sisa toksik, bahan plastik, botol dan tin ke dalam sungai.**

Sungai oh sungai, kenapa engkau kotor?
Macam mana aku tak kotor,
depa buang sampah!
depa kata.. 'tak-pa'!!

► **Pencemaran sungai disebabkan oleh pembuangan sampah.**

Ya la.. Sudah la.. cincai-cincailah..!
Aiya.. nanti arr..ada orang mali angkat itu sampah.. lah..
Jangan dok gubra, sat lagi depa mati kutip la.. "tak -pa"!
Oh tidak..! Tidak..! Buang sampah, menyampahnya

► **Hal ini disebabkan sikap tidak bertanggungjawab dan ambil mudah dengan mengharapkan pihak lain mengutip sampah yang di buang oleh mereka.**

Ikan kekek mak iloi-iloi,
ikan gelama hidup merana,
buang sampah berbakoi-bakoi,
tabiat 'tak-pa' jadi budaya.

► **Pembuangan sampah telah menjadi tabiat masyarakat kita.**

Atuk oh atuk, kenapa jadi banjir?
Hai! Macam mana tak jadi banjir,
Orang tebang pokok! Orang potong bukit!
Sungai dah mendak, keruh.. buka tanah lagi..
Tebang pokok, potong bukit, hai.. banjir besar!
Cuaca berubah dah!

► **Bencana banjir terjadi kerana penebangan pokok dan penarahan bukit. Kesannya, sungai menjadi cetek dan keruh. Keadaan ini menjadi semakin serius apabila pembukaan tanah hutan terus berleluasa.**

Bumi oh bumi, kenapa makin panas?
Macam mana aku tak panas,
kesan asap toksik!

Banyak sangat Carbon Dioxide.. Sulphur Dioxide.. Nitrus Oxide..
Macam-macam Dioxide da... Dioxide itu..

▶Cuaca bumi menjadi semakin panas disebabkan asap toksik.

Dioxidce ini.. ump..
Banyak panas.. bumi kita, kesian.. bumi kita,
Itu global warming tau!
Amma!
Bumi sudah bakar punya..
Itu bumi banyak panas lo.,
Topan sana sini, ribut besar, pantai pun habis..
Oh tidak..! Tidak..! Tak boleh.. Bumi terbakar..! Panasnya..

▶Pemanasan global menyebabkan cuaca menjadi tidak menentu seperti ribut taufan.

Ikan kekek mak iloi-iloi,
ikan gelama rasa berbisa,
Tabiat 'tak-pa' tidak berbaloi,
Angkara kita bumi binasa.

▶Tabiat tidak ambil kisah masyarakat membinasakan bumi.

Atuk oh atuk, kenapa atuk batuk?
Macam mana atuk tak batuk!
tanah gambut kena bakar...
udara pun tercemar...

▶Pencemaran udara juga disebabkan oleh pembakaran tanah gambut yang menyebab abkan kesihatan manusia terjejas.

Ha.. tulah! kat Buat perangai 'tak-pa', Pi la bakar lagi..!
Asap kereta pun banyak..!
Jerebu tak sudah-sudah..
Bakar sampah, bakar plastik, bakar hutan..
bakar.. bakar.. bakar.. lagi!

▶Selain itu, pencemaran udara disebabkan oleh asap kereta, pembakaran sampah seperti plastik dan pembakaran hutan. Kesannya, jerebu tidak henti-henti melanda negara.

Atuk oh Atuk, kenapa makin panas ni..?
Ha.. la.. kau jawab la, aku letih la..
Macam mana tak makin panas,
orang makin lalai, orang dah tak kisah..

▶Cuaca bumi semakin panas kerana sikap endah tak endah ini.

Oh tidak! Tidak! Apa nak jadi ni.. adik takut!!

Hah! Mari kita tanam pokok banyak-banyak!

Kita naik basikal la.

Ingat..! Sampah jangan buang rata-rata..

Kasi tangkap itu orang tanam sisa toksik punya la..!

➔ Langkah-langkah menangani masalah pencemaran adalah dengan menanam pokok, menggunakan basikal, tidak mmbuang sampah di merata-rata tempat dan mengenakan tindakan undang-undang kepada orang yang membuang sisa toksik secara haram.

Ikan kekek si ikan keli,

Ikan gelama tidak bermaya,

Hentikanlah cemari bumi,

angkara kita bumi binasa.

ikan kekek.. eh! aku tercekik..!

➔ Sebagai kesimpulannya, kita perlu berhenti mencemari bumi kerana perbuatan tersebut akan membinasakan bumi yang sedang kita diami ini.